

ETOS DAN BUDAYA SEKOLAH MEMBERI KESAN KEPADA KEMENJADIAN PELAJAR (THE SCHOOL'S ETHOS AND CULTURE AFFECTING STUDENT'S OUTCOMES)

**Irwan Fariza Bin Sidik
Mohd Mahzan Bin Awang,
Abdul Razaq Bin Ahmad**

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.

Abstrak

Fokus utama kemenjadian pelajar dalam kajian ini ialah pelajar memperoleh ilmu pengetahuan, membangunkan penguasaan kemahiran dan memperlihatkan kemahiran untuk pembangunan diri pada masa depan. Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) mempunyai etos, budaya, watak, identiti tersendiri dan unik serta menyerlah dalam semua aspek pendidikan. Sekolah ini sentiasa berjaya melahirkan modal insan yang holistik serta mampu bersaing di persada antarabangsa. Kajian ini bertujuan untuk meninjau dan mengenal pasti bagaimana etos dan budaya sekolah memberi kesan kepada kemenjadian pelajar dalam kalangan pelajar tingkatan 4 pelbagai latar belakang demografi. Kajian ini mengkaji tentang etos dan budaya sekolah; proses pengajaran dan pembelajaran dan pembelajaran abad ke-21; Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan i-Think yang memberi kesan kepada kemenjadian pelajar. Kerangka konseptual kajian merupakan gabungan daripada dua teori antaranya teori atau model sistem ekologi (Bronfenbrenner 1977) dan teori modal sosial (Robert D Putnam 2000) yang berkaitan dengan etos dan budaya sekolah. Peranan yang dimainkan oleh individu-individu yang signifikan seperti pentadbir sekolah, guru dan rakan sebaya. Semua faktor ini memberikan pengaruh yang kuat dalam kemenjadian pelajar. Impaknya dapat dilihat dari aspek kecemerlangan akademik; kokurikulum dan sukan; sahsiah yang mulia; pelajar yang berkeyakinan; kemampuan saing di peringkat global dan sikap sayangkan sekolah dalam kalangan pelajar. Kertas konsep ini akan membincangkan bagaimana etos dan budaya sekolah memberi kesan kepada kemenjadian pelajar.

Kata Kunci: Etos, budaya sekolah dan kemenjadian pelajar

Abstract

The main focus of student outcomes in this study is that students acquire knowledge, develop skills and demonstrate mastery of skills for self-development in the future. High Performance Schools (SBT) has ethos, culture, character and a unique identity in all aspects of education. The school is always able to produce a holistic human capital and its competitiveness in the international arena. The purpose of this research to review and identify how the ethos and culture of a school affects student outcomes among form 4 students of various demographic backgrounds. This research is also to examine the ethos and culture of the school; teaching and learning 21st century; Higher Order Thinking Skills (HOTS) and i-Think of the impact on student's outcomes. The conceptual framework is a combination of two of these theories or models of ecological systems theory (Bronfenbrenner, 1977) and social capital theory (Robert D Putnam, 2000) related to the ethos and culture of the school. The role played by significant

individuals such as school administrators, teachers and peers. All these factors have a strong influence on student's outcomes. Its impact can be seen in terms of academic excellence; co-curricular activities and sports; noble character; students who believes; the ability to compete on the global stage and attitudes among students love the school. The concept paper will discuss how the ethos and culture of a school affects student's outcomes.

Keywords: Ethos, school culture and student's outcomes

PENGENALAN


Pendidikan di Malaysia bertujuan untuk membangunkan modal sosial dan menjana modal insan yang berkualiti serta menjadi pencetus kreativiti dan inovasi generasi muda untuk menyumbang kepada pembangunan negara. Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (2010) digubal adalah untuk kemenjadian pelajar dalam bidang akademik, kokurikulum dan pembangunan sahsiah yang menjadi petunjuk kepada kejayaan sekolah menghasilkan pendidikan yang berkualiti tinggi. Transformasi pendidikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 bermatlamat melengkapkan setiap pelajar dengan kemahiran baharu yang diperlukan untuk merebut peluang pada peringkat global.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan digubal untuk mendukung hasrat menjadikan pendidikan seimbang sebagai asas aspirasi pelajar. Pelan ini juga merujuk sistem pendidikan berprestasi tinggi (Kementerian Pendidikan Malaysia 2013). Kemenjadian pelajar merupakan keupayaan pelajar yang terbentuk hasil daripada peningkatan ilmu, penguasaan kemahiran yang merangkumi kemahiran insaniah, teknik dan kompetitif secara kreatif dan inovatif; peningkatan sikap, etika dan nilai murni; peningkatan sahsiah dan kecerdasan yang merangkumi pembangunan kebijaksanaan, kecerdasan akal, emosi, spiritual dan kecerdasan fizikal (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti 2010).

Kemenjadian pelajar tidak akan terjadi tanpa faktor yang merangsangkan semua pihak untuk berusaha mencapai matlamat tersebut. Kajian Jamilah Ahmad et. al. (2011) menyatakan bahawa dari teori dan amalan dalam pendidikan telah membuktikan betapa pentingnya peranan pihak pengurusan di sekolah kerana ia boleh menyumbang kepada kejayaan dan kecemerlangan pelajar di sekolah tersebut. Kajian Supian (2010) menegaskan bahawa proses melengkapkan dan memperbaiki potensi kemenjadian murid perlu dilakukan sepanjang masa di sekolah. Kajian Azmiza et al. (2014), menyatakan antara cabaran utama para pendidik ialah menyediakan cara untuk membantu para pelajar menjadi pelajar yang bermotivasi, aktif dan mempunyai kemahiran penyelesaian masalah serta membuat keputusan kerana motivasi merupakan salah satu perkara penting dalam pendidikan.

Dalam konteks sekolah, Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (2010) menilai impak sekolah berkesan dari aspek kemenjadian pelajar. Kemenjadian pelajar merupakan salah satu daripada lima Standard Kualiti Pendidikan Malaysia 2010 yang

menekankan kewajaran 35% dalam pembinaan pendidikan yang berkualiti. Jemaah Nazir Jaminan Kualiti (2010) menekankan kemenjadian pelajar dalam peperiksaan awam, sahsiah, kokurikulum dan sukan. Menurut Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (2010), pendidikan di sekolah perlu melahirkan pelajar yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berupaya mencapai kesejahteraan diri. Berikut adalah Model Penaziran Kemenjadian Pelajar yang telah dikemukakan oleh JNJK (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti 2010):



Rajah 1 : Model Penaziran Kemenjadian Pelajar

Berpandukan Model Penaziran Kemenjadian Pelajar, Jemaah Nazir Jaminan Kualiti, etos atau budaya sekolah telah dilaksanakan dengan mencorak kemenjadian pelajar melalui cara-cara berikut:

- i. Pengurusan institusi pendidikan yang tidak semata-mata ke arah kecemerlangan akademik;
- ii. Membangunkan profesionalisme keguruan yang mampu berfungsi sebagai pembimbing di luar persekitaran bilik darjah;
- iii. Mengabungjalinkan kurikulum dan kokurikulum dalam aktiviti awal pagi;
- iv. Mengoptimumkan penggunaan prasarana dan sumber yang sedia ada dalam sekolah;
- v. Pembentukan sahsiah dan pemfokusan pada kebajikan pelajar sebelum bermulanya pembelajaran dalam bilik darjah;
- vi. Melibatkan partisipasi komuniti dalam pendidikan setiap minggu; dan
- vii. Aktiviti yang menjurus ke arah pembelajaran dan pengajaran.

PENYATAAN MASALAH

Kementerian Pelajaran Malaysia berhasrat untuk merealisasikan kemenjadian pelajar dari segi kurikulum, kokurikulum dan sahsiah pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia 2012). Menurut Habibah Elias et. al. (2002) dan Yahya Buntat et. al. (2010), kebelakangan ini kebanyakan remaja melakukan perkara-perkara yang diketahui mereka adalah salah, melanggar disiplin sekolah, tidak mempunyai minat untuk belajar, kurang motivasi, malas serta kurang daya tumpuan terhadap pengajaran guru. Pelajar tidak sedar bahawa menghadirkan diri ke sekolah itu penting dan mereka juga tidak akan mempedulikan disiplin yang telah ditetapkan. Kajian McCarthy dan Hoge (1985) menjelaskan bahawa pelajar delinkuen mempunyai penghargaan sendiri yang rendah.

Pelajar yang menganggap diri mereka serba kekurangan lebih kerap menunjukkan kelakuan yang tidak mengikut peraturan.

Kajian Marlina dan Ahmad (2011) menegaskan bahawa aspek pembangunan diri murid perlu dilengkapi dengan kemahiran membuat keputusan, berfikir kreatif dan kritis, berinisiatif, beretika dan disemaikan budaya belajar sepanjang hayat. Kajian Kirk et. al. (2004) dan Mohamad Mohsin et. al. (2008) menyatakan bahawa senario pembelajaran yang sedia ada sekarang ini kurang memberikan impak kepada pelajar untuk menyedari akan kepentingan pengetahuan yang mereka pelajari di dalam bilik darjah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pentadbir sekolah di Malaysia tidak berusaha memupuk kreativiti pelajar manakala guru pula melumpuhkan kreativiti murid dalam bilik darjah. Pihak pentadbir sekolah perlu memainkan peranan penting dalam melakar landskap sekolah secara berkesan.

Kajian Azmiza Ahmad et. al. (2014) mendapati pengaturan sendiri sangat penting untuk meningkatkan pencapaian pelajar. Pelajar seharusnya dimotivasi untuk menggunakan strategi serta mengatur pemikiran sejajar dengan tindakan. Kajian Ab Halim dan Khadijah (2003), berkaitan kemenjadian pelajar lebih menumpukan kepada konsep akhlak dan moral pelajar tetapi guru kurang memainkan peranan sebagai model akhlak mulia kepada pelajar. Kajian Supian (2010) menyatakan bahawa proses melengkapkan, memperbaiki potensi dan kemenjadian murid sepatutnya dilakukan sepanjang masa di sekolah. Dalam konteks ini, aspek pengajaran dan pembelajaran serta pemantauan seharusnya menjadi tugas utama bagi setiap pimpinan sekolah.

Berdasarkan dapatan Jemaah Nazir Sekolah (Standard Kualiti Pendidikan Malaysia 2010), dapatlah dirumuskan bahawa kebanyakan sekolah masih tidak mengamalkan kepimpinan lestari sehingga menyebabkan tidak berlakunya kemenjadian pelajar sepertimana yang dihasratkan melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

TEORI YANG BERKAITAN DENGAN ETOS DAN BUDAYA SEKOLAH

Menurut Bronfenbrenner (1979; 1986; 1992) & Morris (1998) menyatakan bahawa institusi sosial seperti sekolah dan ideologi yang berada dalam masyarakat boleh membantu perkembangan individu. Ia bertujuan untuk memberikan sokongan dan membentuk sikap diri yang positif kepada kanak-kanak dan remaja. Teori sistem ekologi manusia Bronfenbrenner digunakan sebagai dasar kerangka konseptual bagi menerangkan pengaruh etos dan budaya sekolah terhadap pelajar ketika melibatkan diri dalam aktiviti di sekolah dan di luar sekolah. Terdapat empat faktor yang mempengaruhi penglibatan kanak-kanak dan remaja dalam aktiviti di sekolah iaitu; (1) Ciri-ciri demografi iaitu jantina, umur, etnik dan status sosio-ekonomi; (2) Pengaruh persekitaran adalah faktor yang membantu mempengaruhi kanak-kanak dan remaja untuk bergiat aktif dalam aktiviti di sekolah iaitu terdiri daripada keluarga, sekolah, komuniti setempat dan media massa; (3) Sosialisasi adalah faktor yang menyokong tindakan iaitu interaksi dalam bilik darjah, aktiviti kokurikulum, pengaruh budaya sekolah dan komuniti yang mempengaruhi kanak-kanak dan remaja lebih suka bergiat aktif; (4) Faktor personal pula berdasarkan teori kognitif sosial apabila kanak-kanak dan remaja

mempunyai keyakinan dan keseronokan yang tinggi, maka mereka akan menjadi seorang yang aktif.

Dalam teori sistem ekologi Bronfenbrenner (1977) menjelaskan tentang persekitaran sebagai satu rangkaian yang merangkumi di dalam dan di luar rumah, di sekolah dan di kawasan yang berhampiran di mana pelajar menjalani kehidupan mereka sehari-harian. Rangkaian tersebut terdiri daripada lima lapisan iaitu mikrosistem, mesosistem, eksosistem, makrosistem dan kronosistem. Faktor yang akan dijadikan pembolehubah adalah mikrosistem iaitu jantina, etnik dan kemampuan diri; eksosistem iaitu hubungan ibu bapa, ahli keluarga, rakan sebaya, guru sekolah dan perkara yang berlaku dalam persekitaran komuniti; mesosistem iaitu sokongan keluarga dan masyarakat setempat; makrosistem iaitu perkembangan remaja dan penglibatan remaja dalam aktiviti kokurikulum dan kronosistem adalah persekitaran yang mempengaruhi perkembangan dan tingkah laku pelajar. Bronfenbrenner menegaskan tentang pentingnya hubungan yang baik antara sekolah, keluarga dan pelajar secara menyeluruh. Pencapaian hubungan yang baik di sekolah dan komuniti secara menyeluruh akan mempunyai impak yang positif terhadap kemenjadian pelajar.

Menurut Robert D Putnam (2000), para ahli sosiologi menyatakan bahawa modal sosial merangkumi tiga elemen utama iaitu kepercayaan atau *trust* yang merangkumi kejujuran, sikap, toleransi dan kemurahan hati; jaringan sosial atau *social networks* yang merangkumi perhubungan dan kerjasama; dan norma atau *norms* iaitu nilai-nilai murni dan peraturan. Ketiga-tiga elemen modal sosial menjurus kepada kehidupan dalam kelompok sosial masyarakat, suku, bangsa atau kategori lain yang merangkumi struktur sosial masyarakat.

Konsep modal sosial sering disamakan dengan modal manusia. Kepentingan modal manusia (pendidikan, kemahiran dan kesihatan) dan juga modal sosial (kepercayaan, komunikasi, kerjasama dan norma hidup yang baik dipupuk, dibentuk, dikekalkan dan dikongsi oleh sekurang-kurangnya dua orang individu) menghasilkan eksternaliti positif dan meningkatkan kecekapan dan pembangunan individu. Bersesuaian dengan kajian yang akan dilakukan, kerangka konseptual dan teori yang akan digunakan adalah merupakan gabungan daripada dua teori iaitu teori atau model sistem ekologi manusia (Bronfenbrenner 1977) dan teori modal sosial (Robert D Putnam 2000) untuk melihat bagaimana etos dan budaya sekolah memberi kesan kepada kemenjadian pelajar.

Konsep Etos dan Budaya Sekolah

Etos berasal dari bahasa Yunani (*ethos*) yang memberi maksud sikap, keperibadian, watak, karakter serta keyakinan atas sesuatu. Etos sekolah membawa maksud perwatakan sebuah sekolah, karakter, identiti, acuan dan imej sekolah tersebut yang membentuk kewibawaan keunggulan, kredibiliti dan personaliti sesebuah sekolah. Penampilan sekolah dilihat dari sudut akademik dan iklim sekolah. (Halimah Abdul Majid et. al. 2013). Etos menggambarkan nilai, budaya dan iklim sekolah yang terhasil

dari proses hubungan dan interaksi yang melibatkan norma dalam masyarakat. Kajian Halstead et. al. (2000) dan McLaughlin (2005) menyatakan bahawa istilah etos merangkumi interaksi sosial, persekitaran fizikal, iklim pembelajaran, hubungan dengan ibu bapa dan masyarakat setempat, corak komunikasi, sikap penglibatan pelajar di sekolah, prosedur disiplin dan gaya pengurusan sekolah.

Kajian Smith (2003) dan Glover et. al. (2004), menyatakan bahawa etos sekolah merangkumi semua aspek budaya sekolah, iklim dan falsafah yang meninggalkan kesan secara langsung ke atas pelajar. Etos dibina melalui interaksi antara silang budaya antara guru, pelajar, ibu bapa, komuniti dan sekolah melalui struktur dan proses organisasi yang membentuk iklim dan budaya sekolah. Pandangan ini berpadanan dengan kajian Van der Westhuizen et. al. (2005) dan Harrison et. al. (2006) menyatakan bahawa pelajar akan cuba mengenal budaya sekolah untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang baik.

Kajian Lister (1989) dan White (1999) menggariskan intipati penting etos sekolah menyatakan pendidikan sivik yang bermula di sekolah rendah akan meningkatkan sikap kewarganegaraan positif. Pada pandangan lain, Henkenberg (2009) dan Gorard (2010) mencadangkan etos sekolah harus mencerminkan nilai-nilai demokrasi untuk memberikan pengalaman positif dalam membina hubungan sosial pelajar. Sekolah merupakan komuniti kecil yang menawarkan pengalaman pembelajaran yang penting dan menerapkan pendidikan berlandaskan kewarganegaraan dalam diri pelajar.

Kajian Ryan et. al. (2001) menyatakan bahawa terdapat hubung kait motivasi dan penglibatan positif pelajar di dalam kelas. Kajian Meece (2003) menyatakan bahawa pelajar perlu membentuk sikap yang lebih positif, bermotivasi dan melibatkan diri dalam pembelajaran akademik. Kajian Matsamura et. al. (2008) menyatakan bahawa menghormati guru menunjukkan kesan yang positif dan baik untuk pengajaran dan pembelajaran. Pelajar juga perlu mewujudkan pemikiran aras tinggi, menghormati pendapat rakan mereka dan menyesuaikan pengajaran dengan keperluan individu.

Dapatan kajian Murray-Harvey et. al (2007) melaporkan satu kajian Australia menunjukkan bahawa kualiti pengalaman pelajar sekolah mempunyai hubungan antara akademik dan sosial emosi yang dipengaruhi bukan sahaja rakan sebaya dan keluarga malah guru-guru yang memberi semangat pada pelajar. Kajian Martin et. al. (2009) menyatakan bahawa peranan hubungan interpersonal dalam motivasi akademik, penglibatan pelajar dan pencapaian pelajar. Kajian Thomson (2010) menyatakan bahawa sekolah yang berkesan akan memfokuskan kepada satu aktiviti yang menggalakkan motivasi pembelajaran sosial yang dapat meningkatkan etos sekolah dan berjaya melahirkan modal insan yang holistik serta mampu bersaing di persada antarabangsa.

Sekolah mempunyai sistem sosial yang mempunyai budaya yang tersendiri. Reid dan Holly (1987) menyatakan bahawa budaya sekolah merupakan hasil daripada

cara interaksi individu di sekolah, bagaimana mereka berkelakuan antara satu sama lain dan harapan mereka untuk hidup dengan harmoni antara satu sama lain. Kajian Nor Suhara (2010) menyatakan bahawa budaya sekolah yang sihat mampu mewujudkan satu identiti atau imej sekolah yang sihat dan membanggakan agar menjadi contoh kepada pihak lain dan imej ini akan dapat dikekalkan oleharganya.

Menerusi kajian oleh Halpin dan Croft (1962) menjelaskan bahawa budaya sekolah sebagai sahsiah (*personality*) atau '*the feel of the school*'. Pandangan ini berpadanan dengan Rutter et. al. (1979) menyatakan bahawa budaya sekolah sebagai etos sekolah yang mencerminkan iklim sosial sesebuah sekolah itu. Dapatan kajian Mortimore et al. (1988) dan Stoll (1994) menyatakan bahawa iklim sekolah yang positif, kondusif untuk pembelajaran dan mempunyai persekitaran yang menyenangkan akan mewujudkan pelajar-pelajarberkelakuan baik dan meningkatkan pencapaian akademiknya. Pandangan ini berpadanan dengan kajian (Turney & Jenkins, 1985; dan Reid & Holly 1987) menyatakan bahawa iklim sekolah adalah faktor utama menentukan keadaan kualiti pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar di sekolah dan ianya juga merupakan faktor penting dalam menentukan sekolah berkesan.

Proses Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21.

Kajian Lombardi (2007) menggambarkan proses pembelajaran masa kini sebagai pembelajaran autentik. Pelajar-pelajar lebih berminat melaksanakan tugas yang berkaitan dengan dunia sebenar mengikut kamus pelajar itu sendiri. Pada pandangan lain, Neville (2008) dan Mohamad Mohsin et. al. (2008) menyatakan bahawapersekitaran yang kondusif merupakan satu platform untuk membantu pelajar mengalami sendiri keperluan pembelajaran dan memupuk pemikiran kreatif dalam bilik darjah. Ini dibuktikan oleh Conklin et. al. (2009) menyatakan bahawa bilik darjah seharusnya merupakan suatu persekitaran pembelajaran yang terbuka dan pembelajaran boleh berlaku di mana sahaja.


Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran perlu bersifat terbuka dan tidak sekadar konvensional dalam bilik darjah. Kajian Kirk & Jones (2004) menyatakan bahawa ibu bapa perlu memainkan peranan penting dalam memberi sokongan untuk merealisasikan misi sekolah. Kajian Conklin et. al. (2009) dan Halimah Abdul Majid et. al. (2013) menyatakan bahawa setiap aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan perlu untuk menyemaisubur dan menghidupkan jiwa dan minda pelajar. Kajian (Johnson dan Holubec, 1994; Goerge et. al., 1998; Abdullah Sani Yahya et. al., 2007; Hamidah Sulaiman et. al., 2013; dan Mahdum, 2014) menyatakan bahawa kemahiran sosial merupakan kemahiran yang sangat penting kepada mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Perubahan positif dalam kemahiran sosial dan interpersonal yang dipelajari merupakan hasil pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam pencapaian akademik pelajar.

Dapatan kajian Veugelers (2000) danMazdalina Mat Desa et. al. (2011) menyatakan bahawa jenis sekolah, persekitaran dan budaya sekolah, personaliti guru,

pengalaman mengajar guru dan mata pelajaran yang diajar akan mempengaruhi peranan guru untuk menerapkan nilai murni dalam pengajaran yang seterusnya mempengaruhi penghayatan dan pembangunan nilai murni dalam membantu perkembangan pemikiran dalam kalangan pelajar. Kajian Brookfield (1983) menyatakan bahawa pembelajaran terhasil akibat tindak balas atau refleksi terhadap pengalaman seharian dan ini merupakan cara sebenar kebanyakan daripada kita belajar. Brookover et. al. (1979) menyatakan bahawa sekolah yang selalu menggunakan strategi pendidikan dalam pengajaran dan pembelajaran selalunya berjaya mencapai matlamat sekolah. Budaya sekolah yang sesuai juga dapat mempertingkatkan lagi pencapaian akademik pelajar.

Dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21, dapatan kajian Metiri Group (2003), menyatakan bahawa kemahiran sangat penting diterapkan dalam diri pelajar. *Partnership for 21st Century Skills* (2007) menyatakan ciri-ciri pelajar abad ke-21 ialah pelajar mempunyai kemahiran berfikir kritis, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berkomunikasi, kemahiran berkolaborasi, kemahiran kehidupan dan kerjaya, kemahiran belajar dan inovasi, kemahiran dalam media, teknologi maklumat dan komunikasi serta kemahiran menguasai subjek teras di sekolah. Guru perlu menguasai sepenuhnya kemahiran abad ke-21 terlebih dahulu sebelum pelajar. Kajian kajian Leithwood et al (2003) dan Jamilah Ahmad et. al. (2011) menyatakan orientasi proses dan orientasi prestasi pencapaian pencapaian pelajar sebagai kriteria sekolah yang berjaya dan cemerlang. Kedua-dua jenis orientasi ini adalah penting dan saling melengkapi. Kajian Ramlah Ab Khalid et. al. (2015) menyatakan bahawa ibu bapa dan masyarakat memainkan peranan untuk meningkatkan pembelajaran pelajar.

Kajian Abdul Shukor (2000) menyatakan bahawa selaras dengan pembelajaran abad ke-21, pelajar perlu dilatih untuk belajar sesuatu dengan cepat, melahirkan pelajar yang berupaya untuk menganalisis sesuatu situasi dengan logik, menyelesaikan sesuatu masalah dengan kreatif, mempunyai kemahiran untuk belajar sesuatu, berkemahiran untuk berfikir secara kritis dan kreatif. Menurut Shahabuddin Hashim et. al. (2003) menyatakan bahawa kemahiran berfikir ialah proses menerima maklumat dari luar dan disimpan di dalam minda. Kemahiran berfikir penting dalam proses menggunakan maklumat yang dipelajari untuk pelbagai kegiatan aktif seperti menyelesaikan masalah, membuat reka cipta dan menerbitkan idea. Menurut Lembaga Peperiksaan Malaysia (2013), Kemahiran Berfikir Aras Tinggi ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.




Rajah 2 : Taksonomi Bloom Disemak Semula
(Anderson dan Krathwohl, 2001; Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2013)

Dapatan kajian Tee Tze Kiong et al. (2009) menyatakan bahawa kemahiran berfikir dan alat berfikir perlu diajar kepada pelajar bermula dari tingkatan satu. Menurut Tee Tze Kiong et. al. (2010), kemahiran berfikir dapat dipelajari dengan lebih cepat dan berkesan dengan bantuan alat berfikir. Alat berfikir merupakan instrumen yang dapat membantu kita menggunakan minda dengan lebih sistematik dan berkesan. Menurut Buzan (2007), peta minda sangat sesuai digunakan untuk tujuan membaca, mengulang kaji, mengambil nota dan merancang untuk peperiksaan. Sehubungan itu, guru perlu mengaplikasikan kemahiran menggunakan alat berfikir ini dalam pengajaran dan pembelajaran mengikut keperluan dan situasi yang sesuai.

Jika diimbaskan kembali Kementerian Pendidikan Malaysia mula memperkenalkan kemahiran berfikir kreatif dan kritis di dalam program Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis (KBKK) pada tahun 1994. Guru diperkenalkan dengan pelbagai alat berfikir. Walau bagaimanapun, dapatan kajian keperluan (2011) menunjukkan bahawa guru kurang kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Pengajaran di dalam bilik darjah hanya berpusatkan kepada guru dan menjurus ke arah persediaan peperiksaan. Dapatan kajian ini telah mendorong pihak Kementerian Pendidikan Malaysia memantapkan lagi usaha ke arah menghasilkan modal insan yang kreatif dan berinovatif. Usaha ini adalah bagi menghadapi cabaran abad ke-21 yang memerlukan seseorang yang mampu berfikir pada aras tinggi. Dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia bekerjasama dengan Agensi Inovasi Malaysia (di bawah Jabatan Perdana Menteri) melaksanakan program *i-Think*. (Bahagian Pembangunan Kurikulum

2012). Program *i-Think* telah memperkenalkan peta pemikiran. Peta pemikiran adalah merupakan alat berfikir yang dipersembahkan dalam 8 bentuk peta pemikiran secara visual yang mudah diguna pakai dan difahami merentas kurikulum. (Bahagian Pembangunan Kurikulum 2012)



Rajah 3 : Peta Pemikiran *i-Think*

Pelaksanaan Kokurikulum Dalam Pendidikan dan Kemenjadian Pelajar

Kokurikulum adalah kegiatan berkumpulan yang dirancang merupakan lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Aktiviti kokurikulum memberi peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari di bilik darjah (Nur Suhara 2010). Matlamat utama pelaksanaan kokurikulum dalam pendidikan ialah untuk membantu merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam menyemai kesedaran kepada agama dan kepercayaan kepada tuhan; menyeimbangkan perkembangan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial; mengukuhkan perhubungan dan pergaulan dalam kalangan pelajar; membina dan meningkatkan minat dan bakat; membina dan meningkatkan disiplin dan mewujudkan budaya sekolah yang sihat. (Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum 2009)

Dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006–2010 (2006), pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan modal insan. Modal insan merupakan aset yang boleh disuntik nilai tambahnya, ditingkatkan nilai inteletknnya serta diperkaya modal budayanya. Menurut Nur Suhara (2010) menjelaskan bahawa aktiviti kokurikulum menyumbang kepada kejayaan pelajar di sekolah. Justeru, pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan modal insan yang berpengetahuan, mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia dan berkemahiran tinggi.

Menurut Ruhaiza (2007), menyatakan bahawa penglibatan murid dalam kokurikulum merupakan satu langkah yang positif kerana generasi muda masa kini perlu mempunyai keselarian dalam akademik dan kokurikulum serta keterampilan sahsiah. Pada pandangan yang lain, Ab. Alim(2004) dan Tam Yeow Kwai (2010) menyatakan bahawa aktiviti kokurikulum penting untuk merealisasikan konsep pengetahuan, pengalaman dan kemahiran merentasi kurikulum di mana ia merangkumi aktiviti pendidikan jasmani, seni dan rekreasi, aktiviti sains dan teknologi serta aktiviti kumpulan dan sosial. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, proses pembinaan jati diri pelajar perlu berterusan dan menyeluruh tanpa memisahkan antara kurikulum dan kokurikulum.

Kajian Steve Duncan(1996) mendapati bahawa penglibatan pelajar dalam kokurikulum menggalakkan perkembangan keseluruhan individu pelajar tersebut dan membentuk sahsiah remaja di mana ia menjauhkan remaja dari tingkah laku yang tidak elok. Selain itu, kokurikulum berupaya menghasilkan kesan positif seperti membentuk keupayaan mengawal kehidupan sendiri, aspirasi pendidikan yang tinggi dan mengurangkan masalah keciciran. Pada pandangan yang lain, Omardin(1996) dan Ahmad Esa (2005) menyatakan bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dapat menggalakkan pembentukan sahsiah, mengisi masa lapang dengan pengetahuan berfaedah, menimba pengalaman dan mengelakkan diri dari terjebak dalam masalah gejala sosial seperti melepak, penyalahgunaan dadah dan gangsterisme. Jelaslah bahawa, aktiviti kokurikulum berperanan dalam pembentukan sifat-sifat sosial yang bernilai dalam diri setiap pelajar yang mengambil bahagian dalam aktiviti yang dipilih. Setiap aktiviti mempunyai sumbangan tersendiri dalam pembentukan sahsiah dan jati diri pelajar.

Konsep Kemahiran Sosial Dan Interpersonal Pelajar

Kemahiran sosial ialah hubungan interpersonal dan proses interaksi sesama manusia yang positif dan kemudiannya membawa manfaat kepada semua pihak sama ada dalam bentuk material, kestabilan emosi, peningkatan kekuatan fizikal, intelek dan spiritual. (Abdullah Sani Yahya et. al 2007). Kemahiran interpersonal merupakan kebolehan individu menyesuaikan diri dengan semua peringkat manusia dan mampu menjaga hubungan dalam persekitaran. Menurut Lankard (1990) dan Saterfiel et. al (1995) menyatakan kemahiran interpersonal meliputi personaliti, sikap, tingkah laku yang baik dan menunjukkan imej diri yang positif. Umumnya kemahiran interpersonal meliputi kecekapan individu, kemahiran kebolehpercayaan diri, kemahiran mengurus kumpulan dan organisasi secara berkesan. Dapatan kajian Ivy Deirdre Mangkau (2012) menyatakan bahawa kemahiran interpersonal ini membawa maksud kebolehan bagi seseorang individu bekerja secara kooperatif di dalam kumpulan, termasuk kebolehan berkomunikasi secara lisan ataupun bukan lisan dapat membezakan individu dari segi emosi, motivasi, perangai dan niat, mempunyai perasaan empati serta dapat mengetahui kepercayaan, ketakutan dan harapan individu lain iaitu sensitif terhadap perasaan dan emosi orang lain yang berada di sekelilingnya.

Kemahiran sosial dari sudut sosiologi boleh ditakrifkan sebagai keupayaan yang mendorong seseorang untuk bekerjasama dengan orang lain dalam kumpulan dan organisasi. Menurut Mead (1934), konsep kemahiran sosial mempunyai kaitan dengan teori interaksi simbolik. Giddens (1984) menyatakan bahawa semua anggota masyarakat mahir dalam kemahiran sosial untuk berinteraksi dengan orang lain, bekerjasama dan mengukuhkan semangat jati diri dalam proses sosialisasi. Menurut Azizi Yahaya et. al. (2005) menyatakan bahawa kemahiran interpersonal boleh menyebabkan manusia cenderung untuk menyukai orang lain yang mempunyai persamaan dalam hal seperti kepercayaan, pendapat dan sikap. Menurut Samsudin A. Rahim (2003) menyatakan bahawa kemahiran interpersonal yang lebih tinggi akan menghasilkan penambahan komunikasi dengan lebih berkesan.

Kajian Neil Fligstein (2001) menyatakan bahawa seseorang yang mempunyai kemahiran sosial akan lebih baik dari segi kerjasama berbanding dengan mereka yang tidak mempunyai kemahiran sosial. Ini kerana mereka dapat mewujudkan tingkah laku positif dalam diri. Pada pandangan yang lain, dapatan kajian Tengku Elmi Azlina et. al. (2009) dan Siti Sarawati (2009) menyatakan bahawa kemahiran sosial adalah sebahagian daripada aspek kecerdasan emosi yang akan menentukan kecemerlangan pelajar untuk menjadi remaja yang cemerlang dan berguna dalam masyarakat. Menurut Took (2004), rakan sebaya boleh memberi pengaruh yang positif atau kebaikan antara satu sama lain. Menurut Rimm (2001), rakan yang terdiri daripada pelajar yang baik, akan lebih terlibat dalam aktiviti kurikulum, sibuk membina kemahiran dan tarikan adalah lebih memberi kesan yang positif kepada rakan-rakan yang lain.

Kemahiran sosial dan interpersonal dihuraikan sebagai kemahiran yang ada pada diri seseorang secara semula jadi atau dilatih seperti kemahiran interpersonal, komunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, menggunakan idea dan teknik matematik dan sebagainya. Kemahiran Insaniah banyak berkait dengan kemahiran seperti kepimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan (Mohanaraju Annamalai 2010). Kajian Mohd Zaid Mustafa et. al. (2011) menyatakan bahawa kemahiran interpersonal mempunyai hubung kait dengan personaliti dari segi sikap tabiat dan tingkahlaku. Jika disorot kepada kajian lampau, Adler et. al (1992) telah memperkenalkan dua jenis kecerdasan personal yang berkaitan dengan emosi iaitu kecerdasan interpersonal dan kecerdasan intrapersonal. Kecerdasan interpersonal mengenai dalaman diri seseorang manakala kecerdasan intrapersonal berkenaan hubungan luaran dengan orang lain. Daripada perspektif lain, Mohd Ali Jemali et. al. (2011) menyatakan bahawa kemahiran interpersonal adalah kebolehan memahami orang lain dan menggunakan kebolehan ini dalam berinteraksi, bekerjasama, membimbing dan menguruskan komunikasi. Seseorang yang mempunyai kemahiran interpersonal mempunyai sifat kepimpinan yang baik, dapat bekerja dalam pasukan dan mengekalkan perhubungan yang baik.

Peranan Etos Sekolah Dalam Pembangunan Sahsiah Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni

Kajian Morris (1995) menyatakan bahawa etos merupakan nilai moral dan kerohanian untuk diterapkan pada pelajar. Pelajar akan menjadi pelajar yang berdisiplin dari segi ketepatan masa. Pada pandangan lain, dapatan kajian Mohamad Khairi et. al. (2010) menyatakan bahawa pihak sekolah dan guru memainkan peranan penting dalam pembangunan nilai pelajar. Kepelbagaian etos dan budaya sekolah yang wujud haruslah menekankan ke arah pembentukan nilai murni pelajar. Guru perlu menerapkan nilai dan moral kepada pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Hasil keprihatinan guru dengan menanam nilai dan moral akan memberi kesan yang positif di dalam pembangunan nilai dan sahsiah pelajar.

Kajian Ab. Halim Tamuri dan Khadijah Abdul Razak (2003) yang melihat perbezaan persepsi pelajar antara jenis-jenis sekolah berkaitan dengan penerapan akhlak di sekolah menengah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar sekolah iaitu pelajar-pelajar dari sekolah agama dengan pelajar-pelajar dari sekolah menengah kebangsaan dan sekolah menengah teknik. Pandangan ini berpadanan dengan kajian Azhar Ahmad (2006) mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dari segi penghayatan akhlak pelajar dari pelbagai kategori sekolah menengah dimana pelajar sekolah berasrama penuh (SBP) dan sekolah menengah agama mempunyai tahap penghayatan akhlak yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar dari sekolah menengah harian biasa. Berdasarkan kajian yang dijalankan ke atas jenis sekolah, jelas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antarajenis sekolah dengan pembentukan dan penghayatan nilai dan akhlak pelajar.

Kajian Rusni Mohd. Nor (2005) menyatakan bahawa persekitaran dan budaya sekolah merangkumi seluruh persekitaran diri pelajar di sekolah. Faktor keadaan persekitaran sekolah boleh memberi kesan kepada pembentukan tingkah laku. Persekitaran yang menggalakkan dapat melahirkan kesan positif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran serta penghayatan nilai-nilai murni. Dengan cara itu, usaha untuk pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar dapat berjalan dengan lancar dan berkesan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1992).

Kajian Munn (2008) dan Gavienas et. al (2008) menyatakan bahawa etos mempunyai perkaitan dengan disiplin. Tidak dinafikan ketika sesi pembelajaran, terlalu banyak gangguan dari beberapa orang pelajar di dalam kelas dan mengganggu sebilangan pelajar lain untuk belajar. Kajian McCluskey et. al. (2008) menyatakan sesi bimbingan dan pemulihan merupakan amalan di sekolah-sekolah di Scotland sebagai satu cara untuk mengekalkan hubungan dan etos positif. Kajian Freiberg et. al. (2009) menyatakan bahawa sesi perbincangan berkelompok sebagai alternatif untuk mendisiplinkan pelajar dan berbincang masalah yang dihadapi oleh pelajar dengan memberi penekanan kepada: (a) sosial-emosi, (b) persekitaran sekolah, (c) budaya sekolah dan iklim bilik darjah, dan (d) disiplin diri pelajar. Etos berkaitan dengan tingkah laku. Sekolah yang mempunyai etos dan budaya yang cemerlang dan pelajar boleh belajar dengan berkesan meningkatkan tahap kemenjadian pelajar.

KESIMPULAN

Etos dan budaya sekolah yang pelbagai menjurus kepada pembentukan sahsiah pelajar. Sekolah harus mempunyai etos, budaya, watak, identiti tersendiri dan unik serta menyerlah dalam semua aspek pendidikan. Sekolah perlu sentiasa berjaya melahirkan modal insan yang holistik serta mampu bersaing di persada antarabangsa. Warga sekolah perlu memainkan peranan yang penting terhadap kemenjadian pelajar. Semua pihak harus bekerjasama dalam usaha meningkatkan kemenjadian pelajar. Tanpa kerjasama daripada semua pihak terutama warga sekolah itu sendiri, kemenjadian pelajar tidak dapat dicapai. Seterusnya hasrat kerajaan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 yang diberi penekanan terhadap aspek kemenjadian murid melalui dimensi Aspirasi Murid dengan menyasarkan usaha untuk memantap dan memperkasakan kemenjadian pelajar seperti yang telah digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan tidak akan tercapai. Oleh itu, semua pihak perlu segera bertindak memainkan peranan masing-masing dengan harapan hasrat kerajaan terlaksana.

RUJUKAN

- Ab. Alim Abdul Rahim. 2004. *Kursus perguruan lepas ijazah: pengurusan gerak kerja kokurikulum*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ab. Halim Tamuri & Khadijah Abdul Razak. 2003. Pengajaran akhlak di sekolah menengah: Persepsi pelajar-pelajar. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam*.
- Abdullah Sani Yahya, Abdul Rashid Mohamed & Abdul Ghani Abdullah. 2007. *Guru sebagai pemimpin*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Shukor. 2000. Development of a learning and thinking society. *Prosiding Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran Kebangsaan 2000*, 1-16. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adler, R. B., Rosenfeld, L. B. & Towne N. 1992. *The Process of Interpersonal Communication*. Edisi ke-5. New York: Harcourt Brace Jovanovich College Publisher.
- Ahmad Esa. 2005. *Perkasakan Kokurikulum*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya, Jaafar Sidik Latif, Shahrin Hisham & Yusof Boon. 2005. *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Azhar Ahmad. 2006. *Strategi pembelajaran pengaturan sendiri Pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah di Sarawak*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azmiza Ahmad, Saemah Rahman & Ruslin Amir. 2014. Keberkesanan modul idea-i terhadap kemahiran daya tindak dan kemenjadian murid. *Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014*. 9-10 June 2014, Kota Kinabalu, Sabah.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2012. *Program i-Think: Membudayakan Kemahiran Berfikir*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia

- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. 2010. *Bidang Keberhasilan Utama (NKRA) Pendidikan*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum (BSSK), Kementerian Pendidikan Malaysia. 2009. *Buku PanduanPengurusan Kokurikulum*. Kuala Lumpur: A.G Grafik, Sdn. Bhd.
- Buzan, Tony. 2005. *Mind Map: The Ultimate Thinking Tool*. London: Thorson.
- Brookfield, S. D.1983. *Adult Learning, Adult Education and the Community Milton*. Keynes Open University Press.
- Brookover, W. et. al. 1979. School Social System and Student Achievement: School Can Make A Difference. New York: Praeger.
- Bronfenbrenner, U. 1977. Toward and experimental ecology of human development. *American Phychologist*, 32. 513-531
- Bronfenbrenner, U. 1979. *The ecology of human development: Experiments by nature and design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Bronfenbrenner, U. 1986. *Ecology of the family as a context of human development*. Research Perspective. *Developmental Psychology*, 22, 723-724.
- Bronfenbrenner, U. 1992. *Ecology systems theory*. dlm R.Vasta (eds), *six theories of child development: revised formulations and current issues*, vol. 6, ms187-249. London, England: Jessica Kingsely Publishers, LTD.
- Bronfenbrenner, U & Morris, P.A. 1998. The ecology of development processes. Dalam R.N Lerner & W. Danon (Eds). *Handbook of child psychology vol. 1. Theoretical models of human developent*, ms. 993-1028. New York: Wiley.
- Conklin, T. A. 2009. Creating classrooms of preference. *Journal of Management Education*, 33(6), 772-792.
- Freiberg, H. J., & Lamb, S. M. 2009. Dimensions of Person-Centered Classroom Management. *Theory into Practice* 48 (2):99-119
- Gavienas, E. & White, G. 2008. Ethos, Management and Discipline in the Primary School. In *Scottish Education*, ed. T. G. K. Bryce, and W. M. Humes, Edinburgh: Edinburgh University Press.
- George M. J, Gan Siowck Lee & Jessica Ball. 1998. *Pembelajaran Kerjasama*. Terjemahan Gan Siowck Lee & Noran Fauziah Yaakub. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Giddens, A. 1984. *The Constitution of Society*. Cambridge: Polity Press.
- Glover, D., & Law, S. 2004. Creating the Right Learning Environment: The Application of Models of Culture to Student Perceptions of Teaching and Learning in Eleven Secondary Schools. *School Effectiveness and School Improvement* 15 (3-4):313-336.
- Gorard, S. 2010. Serious doubts about school effectiveness. *British Educational Research Journal* 36 (5): 745-766
- Habibah Elias & Noran Fauziah Yaakub. 2002. *Psikologi personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Halimah Abdul Majid, Eow Yee Leng & Chuah Beng Ean. 2013. Budaya Awal Pagi Membentuk Kemenjadian Murid. *Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Kali ke-20 Tahun 2013*. 2-4 Julai.

- Halpin, A.W & D.Croft. 1962. *The Organizational Climate of Schools*. Washington D.C.: US Office of Education, Department of Health, Education & Welfare.
- Halstead, J. M., & Taylor, M. J. 2000. Learning and Teaching about Values: a review of recent research. *Cambridge Journal of Education* 30 (2): 169-202.
- Hamidah Sulaiman, Afandy Sutrisno Tanjung, Norfaezah Md. Khalid, Norsafatul Aznin A. Razak & Nor Hasbuna Salleh. 2013. Kecergasan emosi dalam meningkatkan keperibadian remaja. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik – Julai 1 (3)(2013):28-33*
- Harrison, J., Dymoke, S., & Pell, T. 2006. Mentoring beginning teachers in secondary schools: An analysis of practice. *Teaching and Teacher Education* 22 (8):1055-1067.
- Henkenborg, P. 2009. Learning Democracy - a Philosophy of Citizenship Education. *Osterreichische Zeitschrift Fur Politikwissenschaft* 38 (3): 277-287.
- Ivy Deirdre Mangkau. 2012. Penguasaan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). *Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah dalam PTV Kali Ke-2, 2012:40-59*.
- Jamilah Ahmad & Yusof Boon. 2011. Amalan Kepimpinan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) Di Malaysia. *Journal of Edupres, Volume 1 September 2011,323-335*.
- Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti. 2010. *Standard kualiti pendidikan Malaysia 2010*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Johnson, D. W, Johnson, R. T. & Holubec, E. J. 1994. *The New Circle of Learning Cooperative in the Classroom and School*. Alexandria VA: Association for supervision and curriculum development.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2006. *Pelan Induk Pendidikan Malaysia 2006–2010*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kirk, D. J., & Jones, T. L. 2004. Effective schools. www.pearsonassessments.com/NR/.../EffectiveSchools_Final.pdf. [9 Oktober 2015].
- Lankard, B.A. 1990. Employability—the fifth basic skills. Columbus Ohio: ERIC Clearinghouse on Adult, Career, and Vocational Education.
- Leithwood, K., & Riehl, C. 2003. *What Do We Already Know About Successful School Leadership?* <http://www.cepa.gse.rutgers.edu/Division%20A%20Papers%202003/Leithwood%20Riehl4-28.pdf> [9 Oktober 2015].
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. 2013. *Pentaksiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lister, I. 1989. Research on new initiatives in the field of social studies and citizenship education in England, *Working Paper*, New York: University of York.
- Lombardi, M. M. 2007. Authentic learning for the 21st century: An overview. <http://net.educause.edu/ir/library/pdf/ELI3009.pdf>. [9 Oktober 2015].

- Mahdum. 2014. Pembangunan dan penilaian keberkesanan CIRCOM ke atas motivasi, pemikiran kritis, kemahiran sosial dan pencapaian bahasa inggeris pelajar SMP Pekan Baru, Riau. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Marliana Ali& Ahmad Esa. 2011. Tahap penguasaan kemahiran generik dalam kalangan pelajar tahun akhir Diploma Kejuruteraan Elektrik serta Pendidikan, UTHM. *Journal of Techno Social*, 1(6), 77-94.
- Martin, A. J., Marsh, H. W., McInerney, D. M., Green, J. & Dowson, M. 2007. Getting along with teachers and parents: The yields of good relationships for students' achievement motivation and self-esteem' *Australian Journal of Guidance and Counselling* 17 (2): 109-125
- Matsumura, L. C., Slater, S. C., & Crosson, A. 2008. Classroom climate, rigorous instruction and curriculum, and students' interactions in urban middle schools. *Elementary School Journal* 108 (4): 293-312
- Mazdalina Mat Desa, Amla Salleh, Zuria Mahmud & Salleh Amat. 2011. Penerapan amalan nilai murni dalam kelas dan dalam kehidupan seharian pelajar. *PERKAMA International Convention 2011*.
- McCarthy, J.D. & Hoge, D. R. 1985. The analysis of Self-esteem and delinquency. *American Journal of Sociology* 90, 396-410.
- McCluskey, G., Lloyd, G., Kane, J., Riddell, S., Stead, J., & Weedon, E. .2008. Can restorative practices in schools make a difference?. *Educational Review* 60(4):405-417.
- McLaughlin, T. 2005. The Educative importance of ethos. *British Journal of Educational Studies* 53 (3):1-15.
- Mead, G. H. 1934. *Mind, Self and Society*. Chicago: University of Chicago Press.
- Metiri Group. 2003. *Engauge 21st Century Skills*. <http://pict.sdsu.edu/engauge21st.pdf>. [10 September 2015].
- Meece, J. L. 2003. Applying learner-centered principles to middle school education. *Theory into Practice* 42 (2): 109-116.
- Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid. 2010. Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan. *MALIM - SEA Journal of General Studies II*.117-130.
- Mohamad Mohsin & Nasruddin.2008. Halangan-halangan kepada usaha memupuk kreativiti di kalangan pelajar. *Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial (SKIKS) 2008, 18-19 Ogos*.
- Mohamad Zaid Mustafa, Yahya Buntat, Kahirol Mohd Salleh, Ahmad Rizal Madar & Mirdaa Maznor. 2011. Kompetensi interpersonal dalam kalangan mahasiswa universiti berdasarkan kepada model human resource development (HRD) practice Mc Lagan. *Journal of Human Capital Development* 2(4)(2011):1-39
- Mohanaraju Annamalai, Ahmad Tajuddin Othman & Abdul Ghani Kanesan Abdulah. 2010. Pengaruh sokongan keluarga dalam penglibatan kokurikulum sekolah terhadap pencapaian kemahiran insaniah murid. www.medic.com.my/medc/seminar_medic/fromCD/pdf/53.pdf [13 Jun 2014]
- Mohd Ali Jemali, Ahmad Esa & Razali Hassan. 2011. Kesediaan kemahiran sosial dan kesedaran sosial guru-guru pelatih di IPG terhadap tugas-tugas guru-guru di

- sekolah. *Seminar Majlis Dekan-Dekan Pendidikan IPTA 2011, 27-28 Disember, UPM Serdang.*
- Morris, A. B. 1995. The Catholic school ethos – its effect on post-16 student academic achievement. *Educational Studies* 21 (1): 67-83
- Mortimore, P., Sammons, P., Stoll, L., Lewes, D. & Ecob, R. 1989. A study of effective junior schools. *International Journal of Educational Research* 13: 753-768.
- Munn, P. 2008. Ethos and Discipline in the Secondary School. In *Scottish Education*, ed. T. G. K. Bryce, and W. M. Humes, Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Murray-Harvey, R. & Slee, P. T. 2007. Supportive and stressful relationships with teachers, peers and family and their influence on students' social/emotional and academic experience of school. *Australian Journal of Guidance and Counselling* 17 (2): 126-147.
- Neil Fligstein. 2001. Social skill and the theory of fields. *American Sociological Association Sociological Theory*, Vol. 19:2, 105-125.
- Neville, M. G. 2008. Using appreciative inquiry and dialogical learning to explore dominant paradigms. *Journal of Management Education*, 32(1), 100-119.
- Nor Suhara Fadzil. 2010. Kepentingan kokurikulum dalam pendidikan di sekolah menengah. *Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia, 8-10 Nov.* 59-69.
- Omardin Ashaari. 1996. *Pengurusan Kokurikulum*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Partnership for 21st Century Skills. 2007. *Learning for the 21st Century: A Report and Mile Guide for 21st Century Skills*.
http://www.p21.org/downloads/P21_Report.pdf [10 September 2015].
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 1992. *Buku penerangan kurikulum bersepadu sekolah menengah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ramlah Ab Khalid & Jamil Ahmad. 2015. Pelaksanaan Pentaksiran Sekolah (Ps): Satu Inovasi Sistem Penilaian Murid Untuk Peningkatan Profesionalisme Guru Abad 21. *ASEAN Comparative Education Research Network Conference 2015. 7-8 Oktober*.
- Reid, K., D. Hopkins & P. Holly. 1987. *Towards The Effective School: The Problems and Some Solution*. Oxford: Basil Blackwell.
- Rimm, S. 2001. Peer influence. <http://www.sylviarimm.com>. [15 Ogos 2015].
- Robert D. Putnam. 2000. *Bowling Alone*. New York: Simon & Schuster Paperbacks.
- Ruhaiza Rusmin. 2007. *Kokurikulum Bendung Gejala Sosial*. Kuala Lumpur: New Strait Time Press (M) Bhd.
- Rusni Mohd Nor. 2005. *Perkaitan antara budaya sekolah dengan pencapaian akademikpelajardi Negeri Sembilan*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rutter, M. et. al. 1979. *Fifteen Thousand Hours: Secondary Schools and Their Effects on Children*. Cambridge Mass: Harvard University Press and London: Open Books.

- Ryan, A. M. & Patrick, H. 2001. The classroom social environment and changes in adolescents' motivation and engagement during middle school. *American Educational Research Journal* 38 (2):437-460.
- Samsudin A. Rahim. 2003. *Komunikasi Asas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Rahaya Ariffin. 2003. *Teori, konsep & amalan dalam pengukuran dan penilaian Bangi*: Pusat pembangunan akademik Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Sarawati Johar. 2009. Kepentingan penguasaan kecerdasan emosi (EQ) pelajar luar bandar: harapan dan cabaran dalam pembentukan modal insan berjiwa kelas pertama. *International Conference on Human Capital Development (ICONHCD 2009)*, 25-27 May 2009, Kuantan, Pahang.
- Shahabuddin Hashim & Rohizani Ismail. 2003. *Psikologi Pembelajaran dan Personaliti*. Bentong : PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Saterfiel, Thomas H. McLarty & Joyce R. 1995. *Assessing Employability Skills*. *Eric Document Reproduction Service*.
- Smith, D. 2005. *Institutional Ethnography: a sociology for the people*. Walnut Creek, CA: AltaMira Press.
- Steve Duncan. 1996. *Family Matters: What is the role of extracurricular Activities?* <http://www.montana.edu>. [15 Oktober 2015]
- Stoll, L. 1994. School effectiveness and school improvement: Voices from the field. *School Effectiveness and School Improvement* 5(2): 149-177.
- Supian Hashim. 2010. Amalan kepimpinan lestari dan hubungannya dengan prestasi kerja guru sekolah rendah yang menerima tawaran baru di daerah Segamat. Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia.
- Tam Yeow Kwai. 2010. *Pengurusan Kokurikulum*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Tee Tze Kiong, Jailani Md Yunos, Baharom Mohamad, Widad Othman & Yee Mei Heong. 2009. Pengintegrasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Menerusi Peta Minda Bagi Mata Pelajaran Kemahiran Hidup. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sains dan Teknologi 2009 (PKPST 2009)*. 114-121.
- Tee Tze Kiong, Jailani Md Yunos, Baharom Mohamad, Widad Othman dan Yee Mei Heong. 2009. Penilaian Aras Kemahiran Berfikir Menerusi Ujian SEA, Rubrik Kemahiran Berfikir Dan Rubrik Peta Minda. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sains dan Teknologi 2009 (PKPST 2009)*. 5-14.
- Tengku Elmi Azlina. 2009. Hubungan sistem kekeluargaan dengan konsep sendiri remaja bermasalah tingkahlaku di sekolah menengah kebangsaan Desa Petaling, Kuala Lumpur. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Thomson, P. 2010. *School Change: a review of the literature*. Vol. 2nd Edition, Newcastle: Creativity, Culture and Education.
- Took, K. J. 2004. *Defining peer pressure*. <http://www.kidshealth.org>. [15 Ogos 2015].

- Turney, J.J. & Jenkins, J.M. 1985. *A comparison of climate as perceived by selected students*. University of Southern California.
- Van der Westhuizen, P. C., Mosoge, M. J., Swanepoel, L. H., & Coetsee, L. D. 2005. Organizational culture and academic achievement in secondary schools. *Education and Urban Society* 38 (1):89-109.
- Veugellers, W. 2000. Different ways of teaching values. *Educational Review*.52(1): 37-46.
- White, P. 1999. Political Education in the Early Years: the place of civic virtues. *Oxford Review of Education* 25 (1-2): 59-70
- Yahya Buntat & Norainiza Saini. 2010. *Faktor-faktor yang mempengaruhi masalah ponteng kelas di kalangan pelajar di Kolej Kemahiran Belia Nasional, Pontian*. Tesis yang tidak diterbitkan.

_____0000_____